

Pemimpin Jerman, Malaysia tingkat hubungan dua hala

JM 2 1 MAR 2002

BERLIN 20 Mac — Pemimpin Jerman. Canselor Gerhard Schroeder hari ini memperkukuhkan hubungannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan meraikannya pada majlis jamuan tengah hari di pejabatnya di sini.

Lawatan rasmi Dr. Mahathir ke Jerman membawa misi untuk meningkatkan hubungan dagang dua hala dan menarik lebih banyak pelaburan dari negara yang terkemuka di bidang kejuruteraan khususnya automobil dan produk berteknologi tinggi itu.

Selain menerima pelaburan dan teknologi Jerman, Malaysia juga akan menghantar lebih ramai pelajarannya untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti teknologi di negara itu.

Semasa lawatan Perdana Menteri, satu memorandum persefahaman telah ditandatangani antara Mara dan kerajaan Bavaria di Munich bagi memudahkan lebih ramai pelajar tajaan agensi itu melanjutkan pelajaran di lima universiti teknologi di negara itu.

Di bawah rancangan yang dipersetujui, pada setiap tahun 45 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan memulakan latihan selama dua tahun di Institut Jerman-Malaysia di Malaysia sebelum mereka dihantar oleh Mara ke lima universiti teknologi di Bavaria, negeri yang paling maju di bidang industri di Jerman.

Jumlah pelajar yang dihantar dijangka bertambah dalam masa beberapa tahun akan datang.

Jerman menjadi rakan dagang terbesar Malaysia di kalangan negara-negara Kesatuan Eropah (EU) dengan mengatasi Belanda dan United Kingdom mulai tahun 2000. Eksport Malaysia ke Jerman pada 2001 berjumlah RM7.98 bilion dan import dari negara itu berjumlah RM10.12 bilion.

Nama Malaysia juga semakin melekat di hati rakyat Jerman setelah pasukan hoki negara itu memenangi Kejohanan Piala Dunia di Kuala Lumpur dan pelumba mereka, Ralf Schumacher memenangi kejohanan Formula 1 di Sepang Ahad lalu.

Dikunjungi

Dr. Mahathir juga dikunjungi Naib Canselor Jerman, Josckha Fischer di hotel penginapannya, hari ini. Beliau tiba di sini semalam dengan menaiki sebuah pesawat khas tentera udara Jerman bersama kesemua anggota rombongan Malaysia, termasuk para wartawan.

Selepas menghadiri jamuan makan tengah hari di pejabat Canselor Schroeder, beliau mengunjungi Presiden Bundestag (Parlimen) Jerman, Wolfgang Thierse di bangunan Bundestag.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan para pemimpin Jerman di Institut Penyelidikan SWP, sebelum melawat ke bandar raya teknologi tinggi Berlin Adlershof. — Utusan